



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

PROGRAM TRAIN TO HUMANITY 6.0: UTOPIAN NIGHT

19 JUN 2024 (RABU)

DEWAN BUDAYA, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Terima kasih kepada pengerusi majlis.

(LAMPIRAN SALUTASI)

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul di program ini pada malam ini.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Yang Berbahagia Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed kerana menjemput saya untuk perasmian Program "Train to Humanity 6.0: Utopian Night" di bawah anjuran Majlis Penghuni Desasiswa Restu Sidang Akademik 2023/2024, yang merupakan salah satu program flagship dalam mencungkil pembangunan sahsiah mahasiswa.

3. Tahniah diucapkan kepada pihak penganjur yang berjaya melaksanakan program ini melalui pengisian bermanfaat yang mengambil kira penekanan Sustainable Development Goals (SDG) yang diperjuangkan pada masa kini untuk kepentingan sejagat.

Para hadirin sekalian,

4. Saya dimaklumkan bahawa program ini banyak memberikan input yang berguna kepada mahasiswa serta mahasiswi sekalian, terutamanya dalam mencetuskan idea, memperoleh ilmu dan menimba pengalaman baharu melalui kolaborasi dan jaringan yang komprehensif bersama pemegang-pemegang taruh dan penaja yang terkemuka.

5. Melalui program seperti ini, peluang untuk mempelajari ilmu secara tidak langsung akan membentuk satu transformasi gerak kerja yang berjaya berdasarkan kebijaksanaan dan kesungguhan dalam menjayakan program ini melalui libatsama strategik.

6. Selaras dengan agenda pemerksaan mahasiswa melalui pengasahan bakat yang holistik, saya difahamkan program ini turut mengetengahkan elemen Holistic, Entrepreneurial, Balanced, Articulate dan Thinking (HEBAT) yang menjadi fokus utama dalam pembangunan insaniah mahasiswa di USM.

7. Di samping itu, saya juga dimaklumkan USM sentiasa mengambil kira teras Kepimpinan, Keusahawanan, Kesukarelawanan, Kebudayaan, Sukan, Reka Cipta & Inovasi, Pengucapan Awam dan Khidmat Komuniti dalam membentuk mahasiswanya supaya mempunyai nilai Kebolehpasaran Graduan yang tinggi untuk memasuki alam kerjaya kelak. Ini terbukti apabila tahun 2023, kadar kebolehpasaran graduan USM adalah pada tahap 92%.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Saya berharap program seperti ini dapat diteruskan dan akan menjadi asas atau elemen penyatuan dan perpaduan di samping meraikan hubungan silaturrahim dalam kalangan warga kampus dan luar kampus dalam aspek pemindahan serta perkongsian ilmu sejagat selain daripada proses membina negara bangsa yang utuh.

9. Ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.

10. Usaha dalam pemerksaan pengkaderan bakat kepimpinan muda negara juga dapat saya lihat melalui penganjuran program berskala sebegini kerana ia mencerminkan mahasiswa yang bukan sahaja dilengkapi dengan ilmu akademik semata-mata malahan tunjang kokurikulum menjadi pendorong kepada kemampanan program ini.

11. Semoga usaha kita yang ikhlas dan berterusan ini akan membawa kepada kemajuan, kesejahteraan dan keharmonian negara yang boleh kita kecapai bersama-sama untuk generasi akan datang.

Sekian.

Wabillahittaufig walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.